

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BAHRU]

SOALAN : Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah
yang diambil oleh Malaysia di dalam ASEAN untuk
membela nasib kaum Rohingya yang tertindas di
bumi mereka sendiri khususnya di Rakhine State,
Myanmar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Kota Bharu atas soalan yang dikemukakan.

2. Sebagai mana Dewan yang Mulia ini sedia maklum, pendirian dan dasar luar negara yang diamalkan oleh Malaysia dan Negara-negara Anggota ASEAN adalah amat jelas dan konsisten iaitu mengamalkan prinsip menghormati kedaulatan, keutuhan wilayah, tiada campur tangan dan menghormati identiti nasional.

3. Walau bagaimanapun, Malaysia memandang serius isu penindasan kaum minoriti, terutamanya etnik Rohingya di Myanmar. Malaysia percaya bahawa Kerajaan Myamar yang baru dibentuk selepas pilihan raya baru-baru ini akan mengambil langkah lebih proaktif dalam usaha untuk menyelesaikan masalah tersebut. Sebagai contoh, pada bulan Ogos tahun ini, Suruhanjaya Penasihat Negeri Rakhine telah ditubuhkan oleh Kerajaan Myanmar dengan kerjasama Yayasan Kofi Annan. Suruhanjaya ini diketuai oleh Kofi Annan, mantan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Suruhanjaya ini diharapkan dapat memainkan peranan untuk memantau keadaan di negeri Rakhine, mengesyorkan jalan-jalan penyelesaian supaya perancangan ekonomi dan pembangunan jangka masa panjang dapat dijalankan serta memastikan bantuan kemanusiaan dan proses perdamaian negeri Rakhine dapat dicapai.

4. Negara-negara Anggota ASEAN termasuk Malaysia seringkali menggunakan platform ASEAN untuk menyuarakan keperihatinan di

samping menyeru Kerajaan Myanmar supaya memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyelesaikan konflik kemanusiaan di negeri Rakhine.

5. Antara langkah yang telah diambil oleh Malaysia semasa menjadi pengerusi ASEAN adalah menganjur dan mempengerusikan satu mesyuarat tergepar Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN mengenai Jenayah Rentas Sempadan (*ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime – AMMTC*) Mengenai Pergerakan Manusia Secara Tidak Sah di Asia Tenggara pada 2 Julai 2015 di Kuala Lumpur bagi membincangkan secara komprehensif serta mencari jalan penyelesaian bagi menanganinya. Mesyuarat telah bersetuju untuk mengukuhkan kerjasama dan penguatkuasaan undang-undang di kalangan Negara-Negara Anggota ASEAN bagi memerangi pemerdagangan manusia dan penyeludupan orang menerusi perkongsian maklumat dan perisikan dan menyokong penubuhan satu tabung amanah kemanusiaan bagi mangsa-mangsa migran tidak sah di Asia Tenggara.

6. Selain daripada itu, Pemimpin-Pemimpin ASEAN telah memperakukan Konvensyen ASEAN Mengenai Pemerdagangan Manusia (*ASEAN Convention on Trafficking in Persons – ACTIP*) yang berorientasikan tindakan dokumentasi sempadan dan Pelan Tindakan ASEAN (*ASEAN Plan of Action – APA*) semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 pada 20-22 November 2015 di Kuala Lumpur.

7. Dalam hal ini, Malaysia akan terus menyuarakan pandangan dan pendirian melalui platform ASEAN, OIC dan PBB untuk menggesa komuniti antarabangsa memikul tanggungjawab ini secara bersama bagi mencari jalan penyelesaian yang berkekalan dalam menangani isu ini.

Sekian, terima kasih.